

Mengapakah Tuhan Mengizinkan Penderitaan? (Bahagian 1)

Berdasarkan bab 11 daripada buku *Apakah Sebenarnya Ajaran Bible?* yang terdapat di jw.org.

TUJUAN: Tinjau apa yang anda percaya dan sebabnya, kaji apa yang diajarkan Bible, dan lihat bagaimana anda dapat menjelaskan kepercayaan anda kepada orang lain.



ADAKAH TUHAN BERTANGGUNGJAWAB ATAS PENDERITAAN KITA?

1 TINJAU KEPERCAYAAN ANDA

Mengapakah sesetengah orang mungkin menjawab ya?

Mengapakah sesetengah orang mungkin menjawab tidak?

Apakah kepercayaan *anda*?

Mengapakah anda berkata begitu?

Yehuwa tidak ingin kita menderita.

(Lihat buku *Ajaran Bible*, bab 11, perenggan 1-5.)

Baca 1 Petrus 5:7.

Bagaimanakah ayat ini menunjukkan bahawa Yehuwa tidak ingin kita menderita?

Baca Ayub 34:10.

Adakah Tuhan menyebabkan penderitaan kita?



Jika seorang pemandu melanggar peraturan jalan raya, adakah kilang yang membuat kereta itu patut disalahkan? Begitu juga, jika manusia menderita akibat perbuatan sendiri, adakah Tuhan yang patut disalahkan?

Manusia menderita disebabkan Syaitan dan pemberontaknya.

(Lihat buku *Ajaran Bible*, bab 11, perenggan 6-9.)

Baca 1 Yohanes 5:19; Wahyu 12:9.

Bagaimanakah ayat-ayat ini menunjukkan bahawa Syaitanlah yang ingin kita menderita?

Baca Pengkhotbah 4:1; 8:9; 9:11.

Selain daripada Syaitan, apakah perkara lain yang menyebabkan kita menderita?

Apakah perasaan anda setelah mengetahui bahawa Tuhan tidak ingin kita menderita dan dia akan membantu kita?

3

JELASKAN KEPERCAYAAN ANDA

JIKA SESEORANG BERKATA...

Tuhan itu kejam. Dia mahu kita menderita.

ANDA BOLEH MENJAWAB...

Banyak orang mungkin setuju dengan pandangan itu. Tapi bagi saya...

Apakah ayat Bible yang sesuai ditunjukkan kepadanya?

Bagaimanakah anda akan menjelaskan ayat itu kepadanya?

JIKA SESEORANG BERKATA...

Tuhan ialah penguasa dunia. Jadi semua perkara buruk yang berlaku tentu kehendak-Nya.

ANDA BOLEH MENJAWAB...

Banyak agama mengajarkan hal itu. Tapi saya percaya bahawa Syaitanlah penguasa dunia sebab...

Apakah ayat Bible yang sesuai ditunjukkan kepadanya?

Bagaimanakah anda akan menjelaskan ayat itu kepadanya?
